

# ورتا قنرغن

## *Warta Penerangan*



JANUARI 2016







**Terbitan Bahagian Pengurusan**  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri

***“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”***

# Sidang Redaksi

Penasihat

Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak

Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok

Sumber Berita & Fotografi

PELITA BRUNEI dan  
pegawai dan kakitangan  
Jabatan Penerangan



**W**ARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

# Isi Kandungan

# Muka

Jabatan Penerangan Pemenang Terbaik Sudut Perhimpunan Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan	5
Muzakarah tingkatkan hubungan antara kerajaan dan penduduk mukim	6 - 7
Hayati fungsi, tujuan penubuhan ASEAN	8 - 9
Membariga ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah	10 - 11
Program RRP suntik semangat kenegaraan pelajar	12 - 13
Terap semangat kenegaraan dalam kalangan penuntut	14 - 15
Mahasiswa UBD sertai taklimat kenegaraan	16
Hayati lagu kebangsaan, bendera negara	17
Jabatan Penerangan giat adakan taklimat kenegaraan	18
WI Kedah lawat Jabatan Penerangan	19 - 20
Personal Contact di Kampung Bukit Udal, Daerah Tutong	21
Perjumpaan bersama Duta Besar Cina	22
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Januari 2016	23
Kakitangan yang baru berkhidmat di Jabatan Penerangan	23
Kakitangan yang bersara	23

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

# Jabatan Penerangan Pemenang Terbaik Sudut Perhimpunan Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



**YANG** Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sijil dan hadiah kepada wakil dari Jabatan Penerangan yang memenangi Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi Perhimpunan majlis sambutan.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Januari.** - Pusat Latihan Mekanik (PLM) mengekalkan kejuaraannya apabila muncul juara Kategori Sekolah/Menengah/Arab/ Maktab/Institusi Pengajian Tinggi/Swasta pada Pertandingan Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara tahun ini.

Manakala Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi Perbarisan dan Perarakan pula dimenangi oleh Kementerian Pembangunan.

Johan bagi Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta diraih oleh Persatuan Masyarakat Indonesia (PERMAI).

Kategori Mukim/Kampung/Majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung (MPMK)/Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid pula dimenangi oleh MPK dan AJK Takmir Masjid Kampung Kapok.

Manakala Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi Perhimpunan majlis sambutan pula dimenangi oleh Jabatan Penerangan.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang diserahkan pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1437 Hijrah yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam majlis yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi Tahun 1437H disertai oleh 143 pasukan dengan keramaian 12,807 peserta mengambil bahagian mengikut kategori masing-masing dengan jarak perarakan sejauh 3.7 kilometer.

Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Idris bin Haji Aji juga selaku Pengerusi Bersama Majlis Penyampaian Hadiah serta Pertandingan Perbarisan dan Perarakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara tahun ini dalam kata alu-aluannya menyentuh mengenai satu sudut penghakiman lain diwujudkan, iaitu penghakiman di sudut Perhimpunan yang menilai dari segi keberadaan semua ahli pasukan sebelum acara bermula.

"Tujuannya adalah bagi menambahbisaikan lagi pemandangan di taman di mana semua pasukan telah bersedia berbaris sebelum acara dimulakan, di samping tujuan utama pertandingan, iaitu bagi menyuntik semangat perpaduan, rasa cinta dan kasih kita kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," ujarnya.

Hasilnya para pasukan membuat perbarisan dan perarakan lebih teratur, berpakaian kemas, sependuk terbentang berserta laungan selawat yang indah didengar.

Diharap juga pertandingan itu tidak akan mengubah tujuan asal perbarisan dan perarakan diadakan, iaitu untuk mengingati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukannya bertujuan untuk memenangi pertandingan yang diadakan ini.

# Muzakarah tingkatkan hubungan antara kerajaan dan penduduk mukim

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor , Hamzah Mohidin



WAKIL daripada Kementerian dan jabatan kerajaan dalam Program Muzakarah Penerangan.

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 Januari. - Dalam meningkatkan hubungan baik dua hala antara pihak kerajaan dan penduduk mukim, Jabatan Penerangan hari ini mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Gadong 'A' Tahun 2016.

Hadir mempengerusikan program muzakarah yang berlangsung di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad yang antara lain menjelaskan bahawa PMP adalah bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Majlis Penyerahan Anak-Anak Kunci Rumah Lambak Kanan Peringkat 1 pada 15 Februari 1992 Masihi.

Beliau berkata, PMP yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Perjumpaan Muhibah Penerangan mula diperkenalkan semula setelah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Pertama Musim Pemesyuaratan ke Sebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2015 oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad mempengerusikan program muzakarah yang berlangsung di Dewan Pencapaian, Institut Perkhidmatan Awam.



WAKIL daripada salah sebuah jabatan kerajaan semasa menjawab soalan yang diajukan.



KETUA Kampung Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara Rimba, Awang Mohamad bin Haji Kabon semasa mengutarakan persoalan kepada wakil agensi kerajaan di Majlis Muzakarah Jabatan Penerangan

“Selaras dengan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Penerangan selaku lidah, mata dan telinga kerajaan, menerusi PMP ini, maklumat-maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan dapat diperjelaskan dan dikongsikan bersama, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan,” ujarnya.

Selain itu tambahnya, program ini juga menjadi pemudah cara bagi penduduk mukim dan kampung untuk menyampaikan pandangan atau isu-isu permasalahan yang dihadapi dan pada waktu yang sama untuk mendapat jawapan atau penjelasan dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, di samping dapat memperlihatkan betapa sikap prihatin dan pemedulian pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Maka melalui wadah itu katanya lagi, jelas kelihatan hubungan baik di antara pihak kerajaan dengan masyarakat mukim dan kampung akan terjalin serta mewujudkan kemakmuran dan keharmonian penduduk mukim dan kampung demi memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Beliau seterusnya berharap, apa jua ulasan dan penerangan daripada pihak agensi yang berkaitan tentang rancangan kerajaan akan diterima dengan baik



TURUT sama hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, selaku Penghulu Mukim Gadong 'A'.

mudah-mudahan ia akan dapat menangani dan mengatasi segala isu-isu permasalahan dan sungutan penduduk mukim dan kampung.

Ahli-ahli panel program muzakarah tersebut terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penolong-penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Program ini dirancang untuk diadakan sembilan kali setahun di seluruh negara bermula dari tahun 2016 iaitu empat mukim dari Daerah Brunei dan Muara, dua mukim dari Daerah Tutong, dua mukim dari Daerah Belait dan satu mukim dari Daerah Temburong.

PMP diharap akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim.

Adanya pihak kerajaan bersemuka dengan masyarakat memperlihatkan kepekaan dan sikap pemedulian kerajaan dalam memastikan rakyat dan penduduk hidup dengan aman dan sejahtera sekali gus dapat mengangkat kredibiliti di mata rakyat dan penduduk.



SEBAHAGIAN daripada Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di bawah Mukim Gadong A yang hadir dalam Program Muzakarah Penerangan (gambar atas dan bawah).



Menerusi program ini, ia memberikan peluang kepada penduduk mukim untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan, dalam masa yang sama ia juga memberikan pihak agensi-agensi kerajaan untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada penduduk mukim mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Juga hadir ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, yang juga Penghulu Mukim Gadong 'A' dan ketua-ketua kampung di Mukim Gadong 'A', pegawai-pegawai kanan, pegawai atau pengamal perhubungan awam, pegawai dan kakitangan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan.

# Hayati fungsi, tujuan penubuhan ASEAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 Januari. - Jerayawara Kenali ASEAN mengandungi taklimat mengenai ASEAN serta maklumat berhubung Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau.

Pengetahuan itu wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara di mata serantau serta menjadi pencetus semangat bagi mereka untuk berusaha dengan lebih gigih dalam memajukan tanah air agar wawasan itu dapat direalisasikan.

Penolong Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah/ Ketua Bahagian Pengurusan Sekolah, Awang Nudin bin Haji Mohammad menjelaskan demikian pada Jerayawara Kenali ASEAN 2016 yang berlangsung di Sekolah Menengah Awang Semaun.

Awang Nudin berharap program seumpama itu dapat menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut dalam

sama-sama menghayati fungsi dan tujuan penubuhan ASEAN dan merealisasikan motonya 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti'.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dalam sesi taklimatnya antara lain menerangkan pengertian, moto dan prinsip utama ASEAN termasuk kemasukan negara menjadi salah sebuah anggotanya sejak 7 Januari 1984.

Jelasnya, penguatkuasaan Piagam ASEAN diterima pakai pada 20 November 2006 lalu dan menjadikan ASEAN sebagai entiti sah serta bertujuan menghasilkan kawasan perdagangan bebas tunggal yang melibatkan 600 juta penduduk di rantau ini.

ASEAN Sekretariat, katanya, terdiri daripada tiga tonggak utama Komuniti ASEAN iaitu Komuniti Politik - Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosial-Kebudayaan ASEAN.

Negara Brunei Darussalam, jelasnya, merupakan salah satu negara di Asia Tenggara yang mempunyai kualiti hidup yang tertinggi dan ianya satu langkah dalam memastikan rakyatnya untuk menikmati kualiti hidup yang tinggi dan stabil.

Langkah kerajaan dalam menyediakan kualiti hidup yang stabil untuk rakyat, tambahnya, adalah seperti perkhidmatan, pendidikan, perumahan, kesihatan dan keagamaan, di samping menyediakan rangkaian utama pengangkutan dan perhubungan serta infrastruktur asas, tapak dan bangunan perusahaan bagi menyediakan perumahan yang selesa.

Jerayawara tersebut juga diisikan dengan kuiz kepada para pelajar yang hadir.

Kira-kira 800 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah itu hadir pada jerayawara yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa yang juga selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan bagi ASEAN-COCI.



TAKLIMAT mengenai ASEAN dan Wawasan Negara 2035 disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.





**PENOLONG** Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah/Ketua Bahagian Pengurusan Sekolah, Awang Nudin bin Haji Mohammad semasa berucap pada Jerayawara Kenali ASEAN 2016 yang berlangsung di Sekolah Menengah Awang Semaun.



**HADIR** selaku tetamu kehormat, Penolong Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah/Ketua Bahagian Pengurusan Sekolah, Awang Nudin bin Haji Mohammad (empat dari kanan).



**JERAYAWARA** diserikan dengan kuiz kepada para penuntut di Sekolah Menengah Awang Semaun.



**PARA** penuntut perempuan Sekolah Menengah Awang Semaun mendengarkan taklimat mengenai ASEAN.

# Membariga ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah

Berita dan Foto :  
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Januari. - Jerayawara Kenali ASEAN antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah kerana mereka adalah golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini dalam mewarnai corak peradaban bangsa untuk membentuk generasi pelapis.

Jerayawara yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil ASEAN bagi Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN-COCI) diteruskan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS).

Selain itu, jerayawara itu adalah juga untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai ASEAN, juga untuk mengenal pasti sejauh mana para pelajar mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN 'Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti' (*One Vision, One Identity, One Community*).

Taklimat juga mengetengahkan maklumat mengenai Wawasan 2035 selaras dengan statistik perbandingan Negara Brunei Darussalam di arena serantau. Pengetahuan ini wajar diketahui oleh para penuntut bagi meningkatkan kesedaran tentang perkembangan negara di mata serantau serta menjadi pencetus semangat bagi mereka agar lebih gigih untuk memajukan tanah air agar Wawasan 2035 dapat direalisasikan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Pengarah



TAKLIMAT mengenai meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar-pelajar sekolah mengenai ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.



**TURUT** hadir ialah Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan lebih 400 penuntut Tahun 7 dan 8



**JERAYAWARA** diserikan dengan kuiz kepada para penuntut di Sekolah Menengah Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Turut hadir ialah Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul; pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, guru-guru dan lebih 400 penuntut Tahun 7 dan 8 di sekolah tersebut.

Terdahulu jerayawara dimulai dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti taklimat mengenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan.

Acara diteruskan lagi dengan Kuiz Kenali ASEAN sejeurus selesai taklimat tersebut.

Tetamu kehormat menyampaikan hadiah-hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab kuiz tersebut, diteruskan lagi dengan penyampaian cenderahati kepada Pengetua Maktab SOAS.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

# Program RRP suntik semangat kenegaraan pelajar

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, dalam sesi bergambar ramai.

**S**ALAMBIGAR, Sabtu, 23 Januari. - Ke arah memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja bagi pembentukan minda dan moral positif, Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan menganjurkan Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Kampung Salambigar.

Program RRP merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi pelajar sekolah dalam usaha untuk menyebarkan maklumat semasa selain berpeluang untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinin.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyaksikan persembahan yang disampaikan oleh para penuntut sekolah berkenaan ialah Pengarah Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu.

Terdahulu, Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Kewangan, SMSSA, Awang Halim bin Haji Bujang dalam ucapannya berkata, dunia pada masa ini bergerak dengan pantas dan semakin canggih, jika dilihat anak kecil yang berusia tiga tahun sudah kenal apa itu iPad, iPod dan iPhone. Perkara sebegini ibu bapa perlu bimbang dan khuatir akan anak-anak yang boleh mengakses apa-apa maklumat tanpa saringan atau pengawasan ibu bapa.

“Golongan remaja yang kebanyakan mereka celik IT mendapat apa jua maklumat hanya pada hujung jari sahaja. Setentunya sebagai orang dewasa yang bijak pastinya kita mahu maklumat yang diperolehi itu digunakan untuk tujuan yang baik namun untuk itu para remaja perlu asas yang kukuh untuk menangkis pelbagai elemen-elemen yang memudaratkan pemikiran dan boleh mengubah sikap dan tingkah laku remaja dan penuntut,” jelasnya.



ALU-ALUAN oleh Timbalan Pengetua Pentadbiran dan Kewangan, Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Awang Abdul Halim bin Haji Bujang.



KETUA Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu hadir selaku tetamu kehormat dalam Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali (SMSSA), Kampung Salambigar.

Antara isi kandungan program tersebut termasuklah menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan', Lagu Patriotik 'Bendera Negara' yang diiringi oleh Kelab Koir SMSSA serta taklimat kenegaraan yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

Program turut diserikan dengan beberapa persembahan pentas daripada penuntut sekolah berkenaan selain turut dimeriahkan lagi dengan persembahan sajak bertajuk 'Gelombang Remaja' yang disampaikan oleh Pengiran Haji Shasuddin bin Pengiran Haji Salim dan sajak bertajuk 'Dunia Semakin Sempit' disampaikan oleh Dayang Rosnani binti Haji Mohd Bakir yang mengendalikan Kuiz Kenegaraan dengan disertai beberapa persembahan lawak jenaka.

Objektif program tersebut adalah untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa, di samping dapat menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab

sosial dalam kalangan para remaja, di samping menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya.



PENGARAH Radio Televisyen Brunei, Awang Haji Muhammad Suffian menyampaikan hadiah kepada pemenang kuiz.



PARA penuntut menyanyikan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'.



PERSEMBAHAN Bahasa Berirama dengan mesej patriotisme turut disampaikan oleh para penuntut Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

# Terap semangat kenegaraan dalam kalangan penuntut

Oleh : Noraisah Muhammed  
Foto : Noraisah Muhammed, Anang Idris Haji Ramli



PELAJAR Sekolah Sains dan Kejuruteraan Politeknik Lumut bergambar ramai sempena Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan anjuran Jabatan Penerangan.

**L**UMUT, Rabu, 13 Januari. - Seramai 155 pelajar dan tenaga pengajar Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Politeknik Lumut menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang diadakan di Dewan Teater sekolah berkenaan.

Taklimat berkenaan merupakan program kendalian Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi seluruh negara 2016.

Program berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan kefahaman dan semangat patriotisme para pelajar mengenai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Bendera merupakan lambang identiti sesebuah negara dan sesuatu bangsa, ia juga menjadi lambang kesepakatan dan perpaduan yang mempunyai kemuliaan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh setiap bangsa dan negara di dunia.

Sementara menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan menaik-kibarkan Bendera Negara Brunei Darussalam merupakan antara pendidikan awal para pelajar ke arah menimbulkan semangat kenegaraan serta kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Semangat cinta kepada Raja, agama, bangsa dan negara perlu disemai di peringkat generasi muda terutama pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah serta institusi pengajian tinggi.

Sementara generasi muda perlu dilatih untuk memiliki semangat patriotisme mantap dan taat setia



**TAKLIMAT** mengenai 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.



**SEORANG** pelajar semasa menyertai Kuiz Kenegaraan.



**DR Tang Hsi Siuon**, Pemangku ketua politeknik Lumut menerima cenderahati yang di sampaikan oleh Pegawai Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.



**SALAH** seorang pelajar yang menang Kuiz Kenegaraan

yang jitu serta kental yang tidak pernah akan goyah untuk menghadapi apa jua cabaran yang boleh memudaratkan bangsa dan negara.

Selaku rakyat dan penduduk di negara ini adalah berkewajipan belajar mengenal, menghormati, menjaga dan memelihara maruah serta identiti negara.

Taklimat mengenai 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris dan Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Ismale bin Abdul Rahman mengendalikan Kuiz Kenegaraan.

Ketua Jabatan Jaminan Kualiti dan juga selaku Pemangku Ketua Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Dr. Tang Shi Siong serta Penolong Ketua Sains dan Kejuruteraan Politeknik Lumut, Awang Haji Mohammad Reizal bin Mohammad Ali antara yang hadir pada taklimat tersebut.

Pada taklimat itu, Awang Mohammad Hisyam antara lain menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan'. Beliau juga menjelaskan definisi, peranan dan mengenai sejarah bendera dan lagu kebangsaan negara.

Menurut beliau, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki menaik-kibarkan (dan kemudian menurunkan) bendera negara pada waktu yang telah ditetapkan seperti kelaziman yang diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei serta Radio dan Televisyen Brunei.

Tegasnya, bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna, iaitu tidak koyak, tidak luntur atau pudar warnanya dan dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat.

# Mahasiswa UBD sertai taklimat Kenegaraan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



TAKLIMAT Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' berlangsung Dewan Utama, Dewan Canselor, UBD bagi kira-kira 200 mahasiswa UBD.

**T**UNGGU LINK, Khamis, 7 Januari. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan telah mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' di Dewan Utama, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Taklimat berkenaan merupakan program sempena hari terakhir program orientasi 'UBD Freshers' Week' yang telah bermula pada 4 Januari yang lalu.

Seramai kira-kira 200 mahasiswa UBD menghadiri taklimat berkenaan yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Awang Eddy Iswandy dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci. Beliau berkata, bendera mempunyai lambang Panji-Panji dan Payung Ubor-Ubor, Sayap, Tangan atau Kimhap dan Bulan yang mengandungi cogan kata berbahasa Arab yang bermaksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan Dengan Petunjuk Allah'.

"Bendera yang dinaikkan atau dikibarkan mestilah dalam keadaan baik dan sempurna. Tidak boleh koyak, luntur dan pudar warnanya serta hendaklah dipasang di tempat yang sesuai mengikut keadaan tempat," katanya.

Jelasnya lagi, waktu menaik-kibarkan bendera adalah pada waktu yang telah ditetapkan di mana akan dimaklumkan secara khas kepada rakyat dan penduduk negara ini yang lazimnya diumumkan melalui media massa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Para penuntut juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video mengenai bendera negara pada taklimat tersebut.



PEMANGKU Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada mahasiswa UBD.



ANTARA mahasiswa UBD yang hadir bagi mendengarkan Taklimat Kenegaraan.



# Hayati lagu kebangsaan, bendera negara

Oleh : Siaran Akhbar

**B**ANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' bertempat di Surau, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRI PAD).

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail dari Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Dalam taklimat tersebut, Awang Eddy Iswandy antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Pada taklimat berkenaan para penuntut juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada Timbalan Pengetua Pentadbiran, SUAMPRI PAD, Dayang Hajah Rosnah binti Haji Mataha.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan untuk menyemai semangat patriotisme para penuntut bagi menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Program berkenaan dihadiri oleh 300 orang pelajar dari Tahun 8 dan 9 SUAMPRI PAD.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa memberikan taklimat.



SEBAHAGIAN dari 300 pelajar dari Tahun 8 dan Tahun 9 SUAMPRI PAD semasa mendengarkan taklimat.

# Jabatan Penerangan giat adakan taklimat kenegaraan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



PARA pelajar Tahun 9, guru Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan pegawai serta kakitangan dari Jabatan Penerangan bergambar ramai.

**PEKAN TUTONG**, Khamis, 28 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kampung Birau, Mukim Kiudang, Tutong.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Awang Julaihi bin Masri, diteruskan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Pada program tersebut, para penuntut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'. Para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Akui bin Anam.



TAKLIMAT disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan oleh Pengetua Sekolah Menengah RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh dan seterusnya penyampaian cenderamata.

Program merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme kepada para penuntut untuk menghormati serta menjiwai bendera negara dan lagu kebangsaan.

Program juga bertujuan mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam menyemai nilai-nilai teras khususnya komited dan taat setia kepada Raja serta negara.

Antara yang hadir pada program berkenaan ialah guru-guru kanan, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan serta 125 orang penuntut Tahun 9 dari sekolah tersebut.

Di samping Taklimat Kenegaraan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong turut menganjurkan 'Kempen Mengibar Bendera', 'Pentarama', 'Rakan Remaja Penerangan' dan 'Kursus Perkampungan Sivik'.



PENGETUA Sekolah Menengah RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh menyampaikan hadiah kepada penuntut yang memenangi Kuiz Kenegaraan.

# WI Kedah lawat Jabatan Penerangan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pagi tadi menerima lawatan rombongan seramai 22 orang dari Pertubuhan Perkumpulan Wanita (W.I) Negeri Kedah bertempat di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Ibu Pejabat Penerangan.

Pada lawatan tersebut, rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan dalam ucapannya beliau antara lain mengucapkan terima kasih kepada rombongan kerana berkesudian mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan yang diharap memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

Rombongan juga diperdengarkan taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli @ Haji Ramli yang menyentuh mengenai dengan peranan utama jabatan dalam menjaga imej raja, negara dan kerajaan juga sebagai 'lidah' dan 'telinga' kerajaan dalam menyampaikan maklumat serta

berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan kepada seluruh lapisan masyarakat.

Naib Pengerusi W.I Negeri Kedah, Puan Hajah Siti Rohani binti Othman ketika ditemui melahirkan rasa berterima kasih kerana kehadiran mereka begitu dialu-alukan dengan baik sekali dan berbesar hati kerana berpeluang melawat Jabatan Penerangan yang sedikit sebanyak boleh menambah pengalaman dan pengetahuan rombongan.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Penolong Setiausaha Agong W.I Brunei Darussalam, Dayang Hajah Salenawati binti Haji Mohammad Saji dan Bendahari W.I Negeri Kedah, Puan Hajah Che Hasnah binti Mohammad Hashim selaku ketua rombongan.



PEGAWAI Penerangan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli @ Haji Ramli menyampaikan taklimat.



UCAPAN alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mengalu-alukan rombongan dari Pertubuhan Perkumpulan Wanita (W.I) Negeri Kedah yang mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan.



ROMBONGAN mendengarkan taklimat ringkas mengenai peranan utama Jabatan Penerangan.



SESI bergambar ramai rombongan Pertubuhan Perkumpulan Wanita (W.I.) Negeri Kedah bersama Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar serta pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa menyampaikan cenderamata kepada wakil rombongan Pertubuhan Perkumpulan Wanita (W.I) Negeri Kedah.



SEBAGIAN daripada ahli rombongan Pertubuhan Perkumpulan Wanita (W.I) Negeri Kedah semasa membuat lawatan ke Bahagian PELITA BRUNEI (gambar atas dan bawah).



# Program Sua Muka

Foto :  
Mohd. Adi Zamhari Haji Awang Yahya



PROGRAM Sua Muka di rumah kediaman Awang Johno bin perak Ketua Kampung Bukit Udal



AWANG Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, Penolong Pegawai Penerangan Cawangan Penerangan Daerah Tutong memberi cendrahati kepada Awang Johno bin perak Ketua Kampung Bukit Udal

PROGRAM Sua Muka ini dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan. Melalui program ini Jabatan mendapatkan maklum balas mengenai perkembangan kampung dan isu-isu yang berbangkit. Maklumat kampung disiarkan di akhbar Pelita Brunei iaitu melalui ruangan Kenali Negara Kitani. Isu-isu yang berbangkit dihadapkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang bersesuaian untuk tindakan masing-masing. Dengan adanya program ini ia akan dapat membina dan mengukuhkan minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, Raja dan Negara selaras dengan aspirasi Kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

## Perjumpaan bersama Duta Besar Cina di Negara Brunei Darussalam

Berita dan Foto : Ali Termizzi bin Haji Ramlli/Hj Ramli

Sesi perjumpaan dan perbincangan dalam hubungan kerjasama, bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama dengan Puan Yang Terutama Madam Yang Jian, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, telah diadakan di sebelah pagi pada hari Isnin, 25 Januari 2016 bertempat di kediaman Kedutaan Republik Rakyat China, Kampong Sungai Hanching.

Sesi perjumpaan dan perbincangan tersebut diadakan adalah kali kedua bagi membincangkan mengenai kerjasama baru yang perlu diterokai bersama di antara dua agensi kerajaan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China dalam mengeratkan hubungan kerjasama yang lebih erat dan bermanfaat bersama.



PERBINCANGAN dalam hubungan kerjasama, bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama dengan Puan Yang Terutama Madam Yang Jian, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa menyampaikan cenderamata kepada Puan Yang Terutama Madam Yang Jian, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China.

**Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus / bengkel pada bulan ini:**

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris 2. Dayang Faridah binti Haji Kaderi	Taklimat Latihan Dalam Perkhidmatan	11 Januari 2016
3. Dayang Hajah Rabi'atul'Adawiyah binti Haji A. Ahmad	Bengkel Melayu Islam Beraja	11 - 13 Januari 2016
4. Awang Mohamad Azmi bin Awang Damit 5. Awang Abdul Karim bin Hamdan 6. Awang Mohammad Hisyam bin Idris	Kursus Tatacara Persuratan Rasmi	23 Januari 2016
7. Awang Haji Sufri bin Haji Jamil	Kursus Fiqh At Thaharah anjuran Pusat Dakwah Islamiah	25 - 28 Januari 2016
8. Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar 9. Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini 10. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya	Facilitation Skill for Leaders	25 - 27 Januari 2016

**Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:**



Awang Mohammad Asbillah bin Haji Pudin  
Jawatan : Penyemak  
Tarikh melapor : 11 Januari 2016



Awang Mohammad Adi Azim Iskandar bin Jali  
Jawatan : Pekerja Tingkat V (Buruh)  
Tarikh melapor : 4 Januari 2016

**Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan jasa bakti sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada :**



Awang Othman bin Haji Tengah  
Kerani  
Tarikh tamat perkhidmatan : 19 Januari 2016

*Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:*

<http://www.penerangan.gov.bn>  
<http://www.information.gov.bn>  
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

*Media Sosial Penerangan:*



**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri**



**infodept.bn**



**infodept\_bn**

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.  
Tel : 2383400 Fax : 2382242**